

01/11/2003

Kakak terharu Dr M terima anugerah

ALOR STAR: Dua kakak Tun Dr Mahathir Mohamad terharu dengan anugerah darjah kebesaran tertinggi negara yang diterima adik mereka hasil sumbangan 22 tahun kepada negara sebagai Perdana Menteri, di Balairung Seri, Istana Negara, petang semalam.

Rafeah, 89, dan Habsah, 82, yang menonton siaran langsung upacara pengurniaan darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) yang membawa gelaran Tun kepada Dr Mahathir sangat bangga atas pengurniaan itu.

Habsah yang membahaskan dirinya Mak Bibi, berkata beliau sekeluarga tidak mengetahui perkara itu sehingga melihat wajah adik dan adik iparnya,

Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang turut menerima anugerah Seri Setia Mahkota Malaysia (SMN) daripada Yang di-Pertuan Agong menerusi siaran TV3, jam 3 semalam.

"Rasa terharu dan sedih melihat adik menerima anugerah, tapi elok juga dia berhenti.

"Banyak masa untuk berehat dan bersama kami," katanya ketika ditemui di rumah anak saudaranya, Datin Yasmin Mashahor, di Jalan Pegawai di sini.

Beliau berkata demikian selepas menonton Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Menyimpan Rahsia oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri.